


# IKLAN KEKOSONGAN

## TAPAK PENJAJA SUNGAI SEGUNI

### MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON



MAJLIS PERBANDARAN PORT DICKSON INGIN MEMPELAWA PIHAK INDIVIDU ATAU SYARIKAT BERDAFTAR YANG BERMINAT UNTUK MENGEMUKAKAN KERTAS CADANGAN PENYEWaan TAPAK PENJAJA SUNGAI SEGUNI BERDASARKAN BUTIRAN YANG DINYATAKAN.

#### SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- Sila layari laman sesawang [mymppd.mppd.gov.my/mymppd](http://mymppd.mppd.gov.my/mymppd) untuk membuat **PERMOHONAN SECARA ATAS TALIAN** (online) dengan mengikut arahan yang tertera dan **MEMENUHI KRITERIA PERMOHONAN YANG TELAH DITETAPKAN**.
- Kertas Cadangan Penyewaan perlu dikemukakan ke **Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta** sebelum atau pada **02 DIS 2024 (Isnin) jam 5.00 petang**.
- Pemohon diminta untuk menyemak status permohonan dari semasa ke semasa di dalam sistem online tersebut.

#### KANDUNGAN KERTAS CADANGAN

- Mencadangkan konsep yang akan dilaksanakan di tapak dan konsep adalah bebas mengikut kreativiti masing-masing tetapi perlulah unik, moden dan bersesuaian dengan lokasi.
- Perancangan dari segi pengurusan saliran/bahan buangan, pembersihan kawasan, penyelenggaraan, lanskap, promosi, papan tanda dan lain-lain yang berkaitan.
- Perancangan dari segi pengurusan teknikal berkaitan bekalan utiliti (elektrik/air/sistem pencahayaan) dan segala perbelanjaan serta bil berkaitan diambil kira dalam cadangan yang bakal dikemukakan.
- Penyediaan kemudahan awam seperti tandas awam, tempat letak kereta, surau dan lain-lain keperluan mengikut kesesuaian tapak.
- Penerangan berkaitan ciri-ciri keselamatan (keluar masuk lalu lintas, insurans, alat kawalan pemadam api dan lain-lain berkaitan).
- Menyatakan cadangan tempoh penyewaan dan kadar sewaan bulanan yang ditawarkan kepada pihak Majlis.
- Perincian berkaitan kos keseluruhan cadangan, rekod kemampuan tenaga kerja (warga asing tidak dibenarkan) dan sumber kewangan syarikat dalam merealisasikan pelan perancangan tersebut.

#### DOKUMEN WAJIB



KAD PENGENALAN



GAMBAR PASSPORT



SSM



BIL CUKAI TAKSIRAN TERKINI